

ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"



[kpffrasmi](https://www.kpffrasmi.com) |
 
www.kpf.my

Edisi 1/2023

43 MAK - BERLANGSUNG DENGAN JAYA



MAK 2023/2024 bagi Wilayah Kuala Lumpur yang diadakan di Dewan Merak Kayangan Balai FELDA Kuala Lumpur.



Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad telah berjaya mengadakan sebanyak 43 Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) bagi sesi 2023/2024 di seluruh Malaysia. Selaras dengan keperluan Undang-undang Kecil 26, MAK dan pemilihan perwakilan anggota individu yang berlangsung setiap dua tahun sekali dengan membentangkan laporan aktiviti dan pemilihan perwakilan individu dan koperasi untuk sesi 2023/2024.

MAK telah diadakan bermula pada September 2022 dan berakhir pada Januari 2023.

Kios khidmat pelanggan juga disediakan semasa MAK untuk memberi ruang kepada anggota mendapatkan maklumat keanggotaan disamping menawarkan produk pembiayaan dan produk-produk lain kepada anggota.

Majlis Perhimpunan Petugas Kumpulan KPF 2023 telah diadakan di Dewan Merak Kayangan, Balai FELDA pada 22 Februari 2023. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi KPF YM Puan Raja Faridah binti Raja Ahmad yang diadakan secara *hybrid*, gabungan fizikal dan maya melalui aplikasi *zoom* bagi petugas di cawangan dan yang berada diluar kawasan.

Ketika majlis berlangsung, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Puan Sakinah binti Salleh telah menerangkan berkenaan objektif dan halatuju KPF 2023 bagi mewujudkan kesiagaan model perniagaan mengikut norma baharu dan mengukuhkan kelestarian aliran tunai untuk mendapatkan pulangan yang optimum dengan mensasarkan bayaran dividen yang munasabah. Selain itu, beliau juga menyatakan cabaran dan isu semasa yang dihadapi serta teras strategik bagi memastikan KPF terus cemerlang.

MAJLIS PERHIMPUNAN PETUGAS KUMPULAN KPF



Pengerusi KPF, YM Puan Raja Faridah binti Raja Ahmad (tengah) bergambar bersama petugas yang hadir ke Majlis Perhimpunan Petugas di Dewan Merak Kayangan Kuala Lumpur.



RAMAH MESRA BERSAMA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)



Barisan Pengurusan KPF bersama wakil SKM bergambar kenangan bersama di hadapan Restoran Seri Kuniyit, D'Saji Kuala Lumpur.



KPF TERIMA ANUGERAH KOPERASI TERBAIK TAHUN 2022



KPF telah berjaya tersenarai pada kedudukan PERTAMA dalam 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2022.



PROJEK RINTIS PPP DI FELDA BUKIT ROKAN



Ladang kambas & timun.

Pusat Operasi Ternakan Arnab Pedaging.



Peserta/Peneroka yang terlibat telah menerima bayaran antara RM200 hingga RM500 setiap bulan.

Taman Fertigasi.

MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN & REKREASI (KSRKPF)



Encik Rosman Fauzi, Bendahari KSRKPF ketika membentangkan laporan kewangan ketika Mesyuarat Agung KSRKPF.

